

UNDANG-UNDANG KECIL
[MENGGOMPAUN KESALAHAN]
MAJLIS DAERAH BESUT
1985

TR. P.U. 2
TAHUN 1985

Tr. P.U. 2.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAN KESALAHAN)

MAJLIS DAERAH BESUT 1985

Akta 171.

BAHAWASANYA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Besut, pada mesyuarat Majlis yang bersidang pada 31hb Mac 1984, telah meluluskan Undang-Undang Kecil (Mengkompau Kesalahan) Majlis Daerah Besut 1985:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 103 Akta itu, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-Undang Kecil tersebut seperti berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompau Kesalahan) Majlis Daerah Besut 1985** dan hendaklah dipakai untuk semua kawasan Majlis Daerah Besut.

Kesalahan yang boleh dikompau dan orang yang boleh mengkompau.

2. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 91, 107, 109, 140(2) (a), 160 dan 161 Akta itu dan kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil boleh dikompau oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Besut atau mana-mana pegawai Majlis itu yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Dipertua.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompau sesuatu kesalahan hendaklah tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit.

(2) Pembayaran wang tersebut boleh dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Daerah Besut dan dipalang dengan perkataan 'Akaun Penerima Sahaja'.

(3) Bayaran boleh diserahkan oleh orang yang melakukan kesalahan kepada orang yang membuat tawaran kompaun, tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Besut.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Majlis Daerah Besut dan resit yang rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang tawaran kompaun itu dibuat.

4. Borang A dalam Jadual hendaklah digunakan bagi membuat tawaran kompaun.

Borang bagi tawaran kompaun.

5. Borang B dalam Jadual hendaklah digunakan bagi menerima tawaran kompaun.

Borang bagi menerima tawaran.

JADUAL

BORANG A

(Undang-Undang Kecil 4)

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen Akta Kerajaan Tempatan 1976/ Undang-Undang Kecil dalam Butir-butir kesalahan:

Tarikh: Waktu:

Tempat:

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Menggompau Kesalahan) Majlis Daerah Besut 1985, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan, untuk menggompau kesalahan itu dengan bayaran \$ (Ringgit:).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran bolehlah dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Daerah Besut dan dipalang dengan perkataan 'Akta Penerima Sahaja' dan boleh diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut:

Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Besut. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas di-
terima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut,
tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil ter-
hadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan tersebut. Jika
tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendak-
waan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada haribulan 19.....

* Untuk ditandatangani oleh orang yang diberikuasa mengkom-
paun, dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di
bawah tandatangannya.

BORANG B

(Undang-Undang Kecil 5)
PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Yang Dipertua,
Majlis Daerah,
Besut.

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di
bawah seksyen Akta Kerajaan Tempatan 1976/
Undang-Undang Kecil dalam
di bawah rujukan dan bertarikh
..... Saya terima tawaran itu dan sertakan
bersama-sama ini *wang tunai/kiriman wang/wang pos/draf
bank No. untuk jumlah sebanyak
sebagai menjelaskan kompaun itu dengan penuhnya.

*Potong mana yang tidak dipakai.

Tandatangan:

Nama (Huruf Besar):

No. K.P.:

Alamat:

Tarikh:

Bertarikh pada 30 haribulan Disember 1984.
[SUK. TR. 1200/344/4; PUN. TR. 15/5/2]

CHE MAT BIN JUSOH,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Terengganu